

Beza pensyarah dulu dan kini



PERSPEKTIF

DR SALASIAH HANIN HAMJAH

Kerjaya sebagai pensyarah adalah kerjaya yang mulia. Dahulu, pensyarah sering dipandang tinggi oleh masyarakat kerana keilmuan serta sahsiahnya yang mulia untuk dicontohi.

Mahasiswa pada ketika itu sangat menghormati pensyarah, menundukkan sedikit badan apabila lalu di hadapan mereka dan pasti akan memberi salam ketika bersua. Jika telah membuat janji temu untuk bertemu, pastinya akan datang lebih awal sebelum masa yang dijanjikan.

Senario itu agak berbeza pada masa kini. Pelajar sekarang lebih mempunyai ruang untuk mendekati pensyarah. Pensyarah ada masanya menjadi kawan dan ada masanya menjadi ibu atau bapa kepada pelajar. Jika pelajar melakukan kesalahan, mereka tidak lagi dilemparkan kertas sehingga bertaburan di atas lantai. Jika mereka datang kuliah lewat,

pensyarah hanya boleh memberi peringatan dan tidak mengunci pintu dewan kuliah. Nota kuliah pula boleh diperolehi secara online malah kuliah kadangkala berlaku secara maya. Benarlah, dunia telah berubah dan rentak manusia turut berubah.

Pensyarah terus berusaha menyesuaikan diri dengan kerjaya mereka meskipun skop kerja semakin luas. Jika dahulu, pensyarah lebih menumpukan kepada pengajaran, penyeliaan, penulisan dan khidmat masyarakat, tetapi kini skop kerja pensyarah ditambah dengan penglibatan dalam penyelidikan.

Jika dahulu pensyarah cenderung menulis buku tetapi sekarang pensyarah perlu menulis artikel jurnal SCOPUS/WoS/ERA/Mycite sebagai KPI tahunan. Dalam PdP pula, pensyarah perlu menguasai kemahiran teknologi digital untuk memenuhi tuntutan semasa dalam dunia pengajaran dan pembelajaran kontemporari.

Pensyarah juga perlu menjalankan penyelidikan dengan industri dan komuniti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pendek kata pensyarah perlu menguasai pelbagai kemahiran multi tasking dan menjadi serba boleh.

Hakikatnya tugas pensyarah lebih-



Pensyarah terus berusaha menyesuaikan diri dengan kerjaya mereka meskipun skop kerja semakin luas.”

lebih lagi di universiti penyelidikan semakin mencabar. Kadangkala ada yang mengambil sikap buat tidak tahu sahaja apabila merasai keupayaan diri sudah tidak mampu mengikuti peredaran semasa yang terlalu tinggi. Ada juga yang berusaha menyahut cabaran dan berusaha memenuhi tuntutan semasa terutamanya menerbitkan artikel dalam jurnal antarabangsa yang berimpak tinggi.

Malangnya, ada yang kecewa apabila artikel yang dihantar ke jurnal berprestij, ditolak. Itulah antara cabaran yang perlu ditempuhi oleh seorang pensyarah. Lebih menyedihkan, kadangkala kesibukan memaksa segelintir pensyarah tidak cukup persediaan untuk mengajar kerana masa banyak dihabiskan pada tugas lain.

Saya yakin, apa pun cabaran yang ditempuh, pensyarah tidak pernah me-

nyesal menjadi seorang pensyarah, cuma memohon ada timbangtara yang diplomasi pada kerjaya ini pada masa mendatang. Semoga usaha MAAC (Kongres Persatuan Akademik Malaysia) berkaitan isu kenaikan pangkat pensyarah di institusi pengajian tinggi awam mendapat jalan keluar terbaik.

Diharapkan juga agar pensyarah mempunyai masa yang munasabah untuk menajamkan ilmu dan kepakaran dengan mengurangkan kesibukan mereka pada perkara-perkara teknikal yang sering berubah-ubah.

Harapan saya, walau apa jua cabaran yang ditempuh oleh pensyarah, semoga mereka terus cekal menempuhnya dan ALLAH permudahkan segala urusan mereka.

Semoga segala ilmu yang dicurahkan kepada pelajar akan menjadi amal jariah untuk manfaat pensyarah di alam abadi. Biarlah kekayaan bukan menjadi impian di dunia tetapi biarlah ilmu yang disampaikan menjadi pedoman kepada generasi harapan sepanjang hayat mereka.

** Profesor Madya Dr Salasiah Hanin Hamjah ialah pensyarah di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*